

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

WACANA PNC 15

# PROGRAM KEUSAHAWANAN AI EDUPRENEUR: TRAINING FOR CERTIFIED AI TRAINER 1.0

19 - 20 Oktober 2024 | DEWAN KULIAH 1 MASMED, KOMPLEKS USAHAWAN



**Indah berbalam si awan petang,  
Berarak di celah pepohon ara,  
Pemanis kalam selamat datang,  
Awal Bismillah pembuka bicara.**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UITM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi tahmid kesyukuran ke hadirat Tuhan Yang Maha Rahman, dengan limpah dan kurniaan-Nya mengizinkan kita berkumpul di PROGRAM KEUSAHAWANAN AI EDUPRENEUR: TRAINING FOR CERTIFIED AI TRAINER 1.0 yang dianjurkan oleh Pusat Keusahawanan Mahasiswa (PKM) MASMED, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama dalam program yang penuh bermakna ini.

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana PROGRAM KEUSAHAWANAN AI EDUPRENEUR: TRAINING FOR CERTIFIED AI TRAINER 1.0 yang diterajui oleh Puan Fatrisa Binti Mohamed Yusoff, selaku Pengarah Projek kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan kolaborasi iaitu pihak ICAN dan AiLabs atas kerjasama mereka dalam menganjurkan program ini. Inisiatif ini merupakan satu langkah yang proaktif dalam memperkasakan warga UiTM, khususnya pelajar dan staf, dengan kemahiran dalam kecerdasan buatan atau AI, yang kini menjadi salah satu komponen penting dalam pembangunan teknologi dan inovasi.

# AI- edupreneur Konsep perniagaan baharu

## LATAR BELAKANG PROGRAM AI EDUPRENEUR

Hadirin yang saya kasih sekali,

Sebagaimana yang kita tahu, teknologi AI atau kecerdasan buatan semakin berkembang pesat dan memainkan peranan penting dalam pelbagai sektor, termasuk pendidikan dan perniagaan. Melalui program ini, saya difahamkan bahawa peserta akan didedahkan dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan bukan sahaja untuk memahami teknologi ini, malah berpeluang menjana bagi sektor ekonomi (atau menjadi jurulatih yang bertauliah dalam bidang AI ini bukan sahaja memperkasakan keupayaan peserta dari segi kebolehpasaran mereka, tetapi juga membuka ruang kepada mereka untuk menyumbang kepada pembangunan industri teknologi di Malaysia.

Dengan dua tahap yang ditawarkan, AI Champion (tahap 1) dan AI Instructor (tahap 2), program ini memberi peluang kepada para peserta untuk memahami AI secara mendalam serta memperoleh kemahiran pedagogi bagi menyampaikan kursus AI kepada golongan muda. Ini adalah langkah penting dalam melahirkan lebih ramai individu yang kompeten dalam bidang AI dan seterusnya membina ekosistem keusahawanan berasaskan teknologi yang lebih mantap di UiTM.

Program ini adalah satu inisiatif penting yang bukan sahaja akan melengkapkan para peserta dengan kemahiran teknologi AI, tetapi juga memperkukuhkan peranan UiTM dalam mendepani cabaran industri 4.0. Program ini akan membantu peserta untuk menjadi peneraju dalam pembelajaran AI dan turut memberikan bimbingan kepada generasi akan datang dalam memanfaatkan teknologi ini secara berkesan. Saya berharap, dengan adanya pensijilan yang diperolehi melalui program ini, para peserta akan dapat mengembangkan peluang dalam keusahawanan dan teknologi yang semakin berkembang pesat.

## SOKONGAN MASMED TERHADAP EKOSISTEM KECERDASAN BUATAN

Para pelajar yang disyangi sekali,

MASMED komited untuk terus menyokong program seperti ini kerana ia selaras dengan mstlmst kami untuk memperkasakan keusahawanan mahasiswa di UiTM. Kami ingin memastikan bahawa usahawan yang dilahirkan daripada program ini bukan sahaja bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 tetapi juga menjadi agen perubahan yang memacu pembangunan ekonomi digital negara.

Ini sejajar dengan visi YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini B. Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, yang menekankan pentingnya penerapan AI dalam bidang keusahawanan di Malaysia. Penggunaan AI dalam analisis data, pembangunan Chatbot, analitik prediktif, dan automasi proses adalah antara pendekatan yang relevan.



Dengan menggabungkan teknologi AI, kreativiti, dan visi keusahawanan yang mantap, kepintaran buatan menjadi elemen utama dalam membina perniagaan digital yang lebih berdaya saing, inovatif, dan responsif terhadap keperluan semasa.



## HARAPAN, UCAPAN TAHNIAH DAN PENUTUP BICARA

Para pelajar dan sidang hadirin yang dimuliskan,

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus-lumus dalam menyajikan PROGRAM KEUSAHAWANAN AI EDUPRENEUR: TRAINING FOR CERTIFIED AI TRAINER 1.0 ini. Saya yakin bahawa program ini akan memberi impak yang besar kepada para pelajar dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan keusahawanan negara serta ekosistem kecerdasan buatan. Semoga usaha dan sumbangan kita hari ini mendapat kerhdhan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

**Ulik mayang nyanyian asli  
Dilagu si gadis merdu sekali  
Terima kasih sekalong budi  
Semoga program kita terus diberkati.**

**Padi segemal kepuk diहुल  
Sirih dihilir merakap junjungan  
Kepalang duduk menuntut ilmu  
Pasir sebutir jadikan intan.**

1.Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim...saya dengan ini merasmikan program PROGRAM KEUSAHAWANAN AI EDUPRENEUR: TRAINING FOR CERTIFIED AI TRAINER 1.0 pada kali ini. Semoga program ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wasalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.

# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS  
USAHAWAN**